



**#MajuTerusPahang #Pahang1<sup>st</sup>**

Ruj. Kami : PERB.PHG.BPP 100-1/5/2(44)  
Tarikh : 15 Oktober 2024

**SEMUA KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB**

YB Dato' Sri/Sahibus Samahah/YAA/YH Dato'/Tuan,

**SURAT ARAHAN OPERASI AKAUNTAN NEGERI BILANGAN 2 TAHUN 2024  
- PERATURAN TERIMAAN SECARA ELEKTRONIK MELALUI PERBANKAN  
INTERNET DAN PERBANKAN MUDAH ALIH**

Dengan segala hormatnya saya menarik perhatian YB Dato' Sri/Sahibus Samahah/YAA/YH Dato'/tuan kepada perkara di atas.

2. Surat Arahan Operasi ini adalah bertujuan untuk memaklumkan semua Ketua Pusat Tanggungjawab mengenai peraturan terimaan secara elektronik melalui perbankan internet dan perbankan mudah alih yang merujuk kepada "DuitNow Transfer" atau 'Interbank Giro".

**3. Peraturan Terimaan Secara Elektronik Melalui Perbankan Internet Dan Perbankan Mudah Alih**

**3.1 Maklumat Akaun Dan Rujukan Perihal Bayaran**

Pusat Tanggungjawab hendaklah memastikan pembayaran melalui perbankan internet atau perbankan mudah alih menggunakan maklumat seperti berikut:

- i) Nama akaun : Perbendaharaan Negeri Pahang;
- ii) Nombor akaun : 06010002165711;
- iii) Nama bank : Bank Muamalat Malaysia Berhad;
- iv) Alamat emel : ebayaran.an@pahang.gov.my;
- v) Rujukan 1 : Kod PTJ; dan
- vi) Rujukan 2 : Perihal (contoh seperti Lampiran A)

### 3.2 Tatacara Memperakaunkan Terimaan

- 3.2.1 Terimaan secara perbankan internet atau perbankan mudah alih ke akaun Perbendaharaan Negeri Pahang nombor 06010002165711 (Bank 2) akan dikenal pasti melalui Kod PTJ dan perihal yang dikunci masuk oleh pembayar seperti di perenggan 3.1.
- 3.2.2 Arahan memperakaunkan terimaan kepada Pusat Tanggungjawab akan dikeluarkan oleh Perbendaharaan Negeri.
- 3.2.3 Resit dan Penyata Pemungut hendaklah disediakan secara berasingan bagi setiap transaksi serta dikepilkan bersama arahan memperakaunkan terimaan.
- 3.2.4 PTJ hendaklah memastikan Resit Perbendaharaan dikeluarkan bagi setiap Penyata Pemungut dan dicatat dalam Buku Tunai Harian.

4. Arahan Operasi Akauntan Negeri Bilangan 2 Tahun 2024 adalah berkuat kuasa dari tarikh surat ini.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' NOR AKILLAH BINTI OSMAN C.A.(M))**  
Akauntan Negeri  
b.p Pegawai Kewangan Negeri  
Pahang Darul Makmur

s.k. YB Pegawai Kewangan Negeri

## LAMPIRAN A

## Contoh Perihal Bayaran

Bil.	Perihal	Contoh
1.	Cukai Tanah (Nombor Hakmilik)	060102HSD000358
2.	Bayaran Balik Gaji	Bayaran Balik Gaji
3.	Sewaan Dewan / Rumah / Pejabat	Sewa Dewan Sewa Rumah Sewa Pejabat
4.	Skim Pinjaman Ternakan (Nombor Pinjaman)	SPT 07BT/02L
5.	Duti Hiburan	Duti Hiburan
6.	Sewa Tanah TKPM (Nama TKPM)	TKPM Jelai
7.	Sewa Bajakan Tanah	Sewa Bajak
8.	Sijil Kesihatan Veterinar	Sijil Kesihatan